



## **FGV DAN MSM SERAH ZAKAT BERNILAI RM 370,100 KEPADA ASNAF DI PERLIS**

**KANGAR, 5 MEI 2017** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), pengeluar gula bertapis terbesar negara, menunaikan tanggungjawabnya dengan menyerahkan sumbangan zakat berjumlah RM370,100 kepada asnaf di negeri Perlis bersempena Program Kayuhan Tautan Kasih FGV dan MSM bersama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis.

Dalam suatu majlis anjuran bersama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), penyerahan zakat bernilai RM250,500 telah diagihkan kepada 167 asnaf bersama barangan produk harian keluaran jenama Saji dan Gula Prai. Program tersebut telah disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis diiringi Encik Mohamad Amri Sahari, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM.

Tambahan itu, sumbangan berjumlah RM30,000 telah diserahkan kepada Masjid Al-Husna, Batu Bertangkup dan sumbangan bernilai RM10,000 kepada setiap Maahad Tahfiz Al-Barakah, Maahad Tahfiz Al-Barqiy dan Maahad Tahfiz Nurul Saadah bagi tujuan menaiktaraf kemudahan. Manakala setiap tiga rumah telah menerima sumbangan bernilai RM10,000 untuk tujuan penambahbaikan dan sebanyak 16 unit '*water cooler*' telah diserahkan kepada 16 sekolah di sekitar negeri Perlis.

“Walaupun industri sawit dan gula berdepan dengan ujian cabaran cuaca, pasaran dunia dan harga komoditi yang tidak menentu, Kumpulan FGV dan MSM akan terus komited untuk menunaikan kewajipannya mengeluarkan zakat berdasarkan keuntungan yang diraih.” berkata Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Mohamad Amri Sahari.

Sehubungan dengan itu, pihak FGV dan MSM bersama DYT Raja Muda Perlis juga terlibat dengan Perasmian Pusat Pengurusan Jenazah di Masjid Al-Abrar, Kubang Gajah serta Pondok Menunggu di Sekolah Rendah Agama Maahad At-Tarbiyah Al-Islamiyyah (SRAATI).

Amri Sahari berkata “Peruntukan yang diberi mungkin tidak dapat menampung keseluruhan perbelanjaan yang diperlukan bagi menaik taraf sekolah tersebut. Namun, saya percaya



persediaan kemudahan sebegini adalah faktor penting untuk tujuan keselamatan para pelajar, sistem persekolahan yang kondusif dan berkesan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang.”

Pada sebelah petang pula, DYTM Raja Muda Perlis berangkat menyertai Program Kayuhan Tautan Kasih bersama FGV dan MSM di Masjid Al-Husna, Batu Bertangkup. Seramai 200 peserta berbasikal mengayuh sejauh 8km dalam program tersebut.

Program kayuhan ini merupakan kali kedua disertai baginda, kesinambungan program yang sama dilakukan pada tahun 2016 dan telah menjadi sebahagian tanggungjawab sosial korporat Kumpulan FGV dan MSM untuk membantu meringankan beban masyarakat yang memerlukan di sekitar negeri Perlis.

“Konsep kayuhan bersama Tuanku Raja Muda amat menarik kerana selain mengamalkan gaya hidup sihat, kayuhan sebegini memberi peluang kepada kami untuk turun padang bertemu golongan asnaf dan pada masa yang sama turut terlibat dalam aktiviti kemasyarakatan,” kata Amri Sahari.

Dalam ucapan beliau Amri Sahari berkata, “Pelaksanaan zakat yang merupakan rukun Islam keempat, adalah suatu cara terbaik untuk meringankan beban yang ditanggung golongan asnaf dan juga mereka yang layak menerimanya.”

Majlis malam tersebut dihadiri oleh tetamu-tetamu kehormat terdiri daripada Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Encik Mohamad Amri Sahari, Yang Berhormat, Senator Abdul Shukor bin P. A. Mohd Sultan, Yang Berhormat, Puan Asmaiza binti Ahmad, ADUN Chuping, Tuan Haji Mohd Nazim Mohd Noor, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPS, pegawai kanan MAIPS berserta pengurusan dan kakitangan dari FGV dan MSM.

Sejak sekian lama, Kumpulan FGV dan MSM telah menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) melalui penglibatan dalam pelbagai program melibatkan komuniti, bidang pendidikan dan pemuliharaan alam sekitar. FGV dan MSM akan meneruskan usaha-usaha lestari dan memberi impak terhadap kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya.

**-TAMAT-**



### **Tentang MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), diperbadankan pada 10 Mac 2011 selaku peneraju pengeluar gula Malaysia. Ia telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Berhad pada 28 Jun 2011 dan telah muncul sebagai salah satu daripada 50 syarikat utama yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM3.34 bilion (sehingga January 2016). Ia juga anak syarikat milik Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV) dengan pegangan saham 51%.

Secara dasarnya, MSM mengoperasikan perniagaan gula Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV). MSM menghasilkan, memasar serta menjual produk gula bertapis. Syarikat ini juga menjalankan perniagaannya menerusi dua buah anak syarikat iaitu MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn. Bhd. yang telah ditubuhkan pada 1959 dan 1971. Tambahan lagi, MSM juga mengendalikan syarikat logistiknya sendiri - MSM Logistics Sdn. Bhd. Pada Oktober 2015, MSM Trading International DMCC, berpangkalan di Dubai, EAB ditubuhkan untuk melaksanakan aktiviti dagangan gula Kumpulan.

Kini, MSM memiliki kapasiti pengeluaran gula tahunan yang mengagumkan iaitu 1.25 juta tan gula bertapis. Pada 2016, MSM telah menghasilkan 1,117,010 tan gula bertapis, rekod tertinggi dalam sejarah syarikat dan sebanyak 137,648 tan adalah untuk memenuhi permintaan pasaran eksport. Pada masa ini, MSM kekal menguasai bahagian pasaran domestik dalam anggaran 60%.

Syarikat juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan penganjurnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

*Untuk pertanyaan media, sila hubungi:*

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Muhammad Aniz Mohd Azmi**

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

[aniz.ma@msmsugar.com](mailto:aniz.ma@msmsugar.com)